

Ruj. Kami : SA3/2026 (1)
Tarikh : 2 Mac 2026

Semua Warga Samariang Aman 3

Tuan / Puan,

PELAKSANAAN SKIM RONDAAN SUKARELAWAN (SRS) DAN KUTIPAN YURAN SAMARIANG AMAN 3

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan keputusan *poll* yang telah dijalankan dalam kumpulan WhatsApp rasmi bagi warga Samariang Aman 3, majoriti penduduk telah menyatakan persetujuan untuk melaksanakan Skim Rondaan Sukarelawan (SRS) berserta kutipan yuran bagi tujuan tersebut.

3. Sehubungan itu, kadar kutipan yang dipersetujui adalah seperti berikut:

- i. Bayaran yuran (sekali sahaja) : **RM50.00**; dan
- ii. Bayaran bulanan : **RM5.00**

4. Kutipan ini bertujuan untuk pembelian kelengkapan dan peralatan keselamatan serta bayaran imbuhan kepada individu yang menjalankan tugas rondaan demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan kawasan kejiranan kita sentiasa terpelihara.

5. Dalam perbincangan terkini, telah dipersetujui bahawa pembayaran yuran hendaklah dibuat kepada **Encik Imaduddin Yusuf (019-4001989)** melalui pengisian **Borang Akuan Pembayaran** yang akan disediakan. Setiap pembayaran akan direkodkan dengan teratur bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti pengurusan kewangan.

6. Pelaksanaan kutipan yuran ini adalah **secara percubaan bagi tempoh empat (4) bulan pertama**. Penilaian semula akan dibuat selepas tempoh tersebut bagi meneliti keberkesanan pelaksanaan Skim Rondaan Sukarelawan (SRS) dan mendapatkan maklum balas penduduk.

7. Kerjasama dan komitmen daripada pihak Tuan/Puan amatlah dihargai dalam menjayakan usaha ini demi keselamatan bersama.

Sekian, terima kasih.

BERSATU, BERTOLENRAHI, BERMUAFAKAT



(MUHAMMAD HAZIM ABDULLAH)
Pengerusi Samariang Aman 3


BERSATU, BERTOLERANSI, BERMUAFAKAT



BAUCAR PEMBAYARAN YURAN SAMARIANG AMAN 3

Tarikh.	Keterangan	Pendaftaran Amaun
	Yuran Pendaftaran (Sekali Sahaja)	50.00
	Yuran Bulanan (RM5 x _____ bulan)	
Jumlah Bayaran :		

Disediakan Oleh,



(Imaduddin bin Yusuf)
Bendahari
Samariang Aman 3

AKUAN PEMBAYARAN

Dengan ini saya No. Rumah No. Lot
Rumah..... Fasa..... mengaku bahawa saya telah membuat pembayaran yuran
Samariang Aman 3 sebanyak: RM.....

- Yuran Pendaftaran (Sekali Sahaja)
- Yuran Bulanan bagi tempoh

Tandatangan :

Tarikh :